

**TANGGUNGJAWAB KESELAMATAN OLEH MAJIKAN INDUSTRI KECIL  
DESA DI TIGA BUAH KAMPUNG MUKIM ULU LEPAR, DAERAH  
KUANTAN, PAHANG**

**MUIS BIN HAJI AWANG KECHIK**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS** ◆

JUDUL: **TANGGUNGJAWAB KESELAMATAN OLEH MAJIKAN  
INDUSTRI KECIL DESA DI TIGA BUAH KAMPUNG MUKIM ULU  
LEPAR, DAERAH KUANTAN, PAHANG.**

SESI PENGAJIAN: **2007/2008**

Saya **MUIS BIN HAJI AWANG KECHIK** mengaku membenarkan tesis (PSM/~~Sarjana/~~  
~~Doktor Falsafah~~)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\* Sila tandakan (✓ )

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam akta rahsia rasmi 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)




(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:  
**B-34, KG. PAYA BUNGOR,  
26020 KUANTAN,  
PAHANG.**

**PM. DR. HJ. ABD. WAHID BIN MUKHARI**Tarikh : 29 APRIL 2008Tarikh : 29 APRIL 2008

- CATATAN:
- \* Potong yang tidak berkenaan
  - \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
  - ◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kuantiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan ( Kemahiran Hidup )”.

Tandatangan :   
Nama Penyelia : **PM. DR. HAJI ABDUL WAHID BIN MUKHARI**  
Tarikh : **29 APRIL 2008**

**TANGGUNGJAWAB KESELAMATAN OLEH MAJIKAN INDUSTRI KECIL  
DESA DI TIGA BUAH KAMPUNG MUKIM ULU LEPAR, DAERAH  
KUANTAN, PAHANG**


**MUIS BIN HAJI AWANG KECHIK**

**Laporan Projek Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada  
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan  
( Kemahiran Hidup )**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA.**

**APRIL, 2008**

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :   
Nama Penulis : **MUIS BIN HAJI AWANG KECHIK**  
Tarikh : **29 APRIL 2008**

**DEDIKASI**

*...Alfatihah buat arwah ibunda tersayang Hasnah Muhamed...  
Semoga rohmu dicucuri rahmat olehNya...*

*Juga untuk ayahanda tercinta Haji Awang Kechik Jais  
...jasa dan kasih sayang yang dicurahkan akan tetap ku sanjung  
Ke akhir hayat*

*...untuk abang, kakak dan adik tersayang  
Semoga ikatan kekeluargaan antara kita akan berkekalan selamanya*

*...buat Eleza, Irwan, Khai, Azzam, serta rakan-rakan seperjuangan 4SPH'08  
Kenangan bersamamu tetap ku kenang dan kamu tetap dihatiku...itu kamu*

*---Dengan Izin Allah---*

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah Tuhan Pencipta Sekalian Alam. Selawat dan Salam buat junjungan besar kita, Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat serta pengikut-pengikutnya. Syukur, Alhamdulillah dengan dengan limpah rahmat dan hidayahNya, berkat doa seluruh ahli keluarga juga guru-guru yang telah mendidik serta berjasa kepada saya, akhirnya dapatlah juga saya menyiapkan projek sarjana muda saya ini dengan jayanya.

Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia projek sarjana muda, ***PM. Dr. Haji Abdul Wahid Bin Mukhari*** yang telah banyak memberikan nasihat, pandangan, bimbingan serta dorongan sepanjang tempoh menyiapkan penyelidikan ini.

Selain itu juga, kerjasama daripada pihak ketua-ketua kampung amnya dan para majikan yang terlibat khasnya di tiga buah kampung Mukim Ulu Lepar, Kuantan, Pahang amatlah dihargai. Jasa baik serta kerjasama tuan-tuan dan puan-puan yang diberikan sepanjang penyelidikan dijalankan di dahului dengan jutaan terima kasih.

Akhir sekali, penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung kerana sudi menghulurkan bantuan, pendapat dan idea dalam menjayakan projek penyelidikan ini. Semoga segala bantuan yang dihulurkan dirahmati Allah S.W.T.

## **ABSTRAK**

Kemajuan di dalam sektor perindustrian mewujudkan pelbagai persaingan kepada semua pihak majikan. Walaubagaimanapun, persaingan dari segi penjagaan keselamatan pekerja adalah amat penting bagi menjamin reputasi sesebuah syarikat. Untuk itu, satu kajian yang menyentuh berkenaan dengan tanggungjawab majikan terhadap keselamatan pekerja telah dijalankan. Matlamat kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui sejauh mana pihak majikan telah melaksanakan kewajibannya terhadap keselamatan pekerja bagi menjamin keselamatan pekerja berada di tahap yang diperlukan. Kajian ini telah dijalankan ke atas pihak-pihak majikan industri kecil desa di tiga buah kampung Mukim Ulu Lepar, Daerah Kuantan, Pahang. Data dan maklumat yang diperolehi melalui borang soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS) Versi 12.0 serta analisis deskriptif berbentuk frekuensi dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan walaupun pihak majikan telah menjalankan tanggungjawabnya terhadap keselamatan pekerja, namun masih lagi terdapat beberapa kekurangan seperti penyediaan peralatan keselamatan kepada pekerja.

## **ABSTRACT**

Rapid development in industrial sector has generated various competitions among employer. However, the competition of looking at the employee safety is very important to ensure the employer's reputation. For this, a study about the responsibility of the employer towards employee safety had been done. The main objective of this study is to identify how far the employers have executed their responsibility to ensure employee safety. This study had been done among employers of cottage industry at tree villages of Mukim Ulu Lepar, Kuantan in Pahang. The data and information gathered were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 12.0 for Windows using descriptive analyses such as percentage and frequency. The study showed that even though the employers have done their responsibility to the workers but there are still weaknesses such as providing safety equipment.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	TAJUK KAJIAN	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI SINGKATAN	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	10

1.7	Skop Kajian	10
1.8	Batasan Kajian	11
1.9	Definisi Istilah	12
1.10	Penutup	15
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	
2.1	Pengenalan	16
2.2	Tanggungjawab Majikan Terhadap Pekerja Di Bawah Common Law	17
2.3	Tanggungjawab Pekerja Di Bawah Common Law	19
2.4	Akta Pertubuhan Dan Jabatan Yang Terlibat Dalam Keselamatan Pekerja	20
2.5	Polisi Keselamatan Dan Kesihatan	25
2.6	Matlamat Aktiviti Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan	27
2.7	Kajian-Kajian Lepas	28
2.8	Kesimpulan	30
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	32
3.2	Rekabentuk Kajian	32
3.3	Populasi dan Responden	33
3.4	Instrumen Kajian	35
3.5	Prosedur Kajian	38
3.6	Analisis Data	39
3.7	Kajian Rintis	40

3.8	Kajian Sebenar	41
3.9	Kadar Pulangan Soal Selidik	41
3.10	Penutup	42
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	
4.1	Pengenalan	43
4.2	Analisis Bahagian A	44
4.3	Analisis Bahagian B	48
4.4	Analisis Mengikut Persoalan Kajian	58
<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	59
5.2	Rumusan	59
5.3	Perbincangan	63
5.4	Cadangan Kajian	68
5.6	Penutup	71
<b>RUJUKAN</b>		<b>72</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>78</b>

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Statistik Kemalangan Industri di Malaysia	6
3.1	Bilangan dan Jenis Perusahaan Industri Desa Mukim Ulu Lepar Mengikut Kampung, 2007	33
3.2	Bilangan Industri Desa di Tiga Buah Kampung	33
3.3	Taburan Item Soal Selidik Mengikut Bahagian A dan Bahagian B	36
3.4	Pemerikatan Skala Likert 5 mata	37
3.5	Pemerikatan Skala Likert 3 Mata	38
3.6	Peratusan Skor Penglibatan Responden	39
3.7	Pekali Alpha Cronbach	40
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	42
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	43
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	43
4.4	Taburan Rsponden Mengikut Taraf Pendidikan	44
4.5	Taburan Mengikut Bilangan Pekerja	45

4.6	Analisis Responden dalam Mempraktikan Tanggungjawab Mereka Terhadap Keselamatan Pekerja di Tempat Kerja.	47
4.7	Analisis Responden dalam Menjalankan Penyeliaan Tempat Kerja Secara Berterusan Untuk Mengenalpasti Bahaya-Bahaya yang Wujud di Tempat Kerja.	50
4.8	Analisis Responden dalam Memberikan Motivasi Kepada Pekerja Untuk Bekerja Dengan Selamat di Tempat Kerja.	53
4.9	Purata Peratusan Bagi Persoalan Kajian Mengenai Tanggungjawab Majikan Terhadap Keselamatan Pekerja di Tempat Kerja.	56

**SENARAI SINGKATAN**

<b>SINGKATAN</b>	<b>KETERANGAN</b>
JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
KEMAS	bahagian Kemajuan Masyarakat
OSHA	Occupational Safety And Health Act
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
AKKP	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
SPSS	Statistical Package of Social Science.
STS	Sangat Tidak Setuju
TS	Tidak Setuju
KS	Kurang Setuju
S	Setuju
SS	Sangat Setuju
%	Peratus
<i>f</i>	Frekuensi

## SENARAI LAMPIRAN

### LAMPIRAN

### TAJUK

A	Surat Pengesahan Pelajar
B	Surat Menjalani Projek Sarjana Muda (PSM)
C	Borang Soal Selidik
D	Analisis Nilai Alpha Kajian Rintis

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Keselamatan dan kesihatan merupakan satu prioriti atau keutamaan dalam pengurusan kebajikan pekerja oleh majikan di tempat kerja. Hal ini kerana, ia mempunyai perkaitan dengan kehidupan bekerja yang berkualiti dan selamat. Bidang keselamatan dan kesihatan melibatkan pelbagai pihak baik pekerja, majikan, masyarakat dan kerajaan. Pewartaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada 25 Febuari 1994 telah merubah amalan majikan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja di mana mereka wajib memastikan kesejahteraan semua pekerja dengan mewujudkan persekitaran pekerjaan yang harmoni dan selamat. Di samping itu, majikan juga perlu melindungi orang-orang lain selain pekerja mereka daripada risiko keselamatan dan kesihatan akibat daripada aktiviti pekerja (Ab. Aziz Yusof, 2005). Jesteru, majikan yang berkeperihatinan tinggi terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan mempunyai kaitan langsung dengan produktiviti dan kelangsungan sesebuah organisasi.

Pengabaian isu keselamatan dan kesihatan akan menyaksikan majikan menanggung kos langsung seperti pampasan, kos perubatan dan juga beberapa kos tidak langsung seperti kehilangan pekerja, penyiasatan kemalangan, kos perundangan dan sebagainya. Dari aspek pekerja, kesan pengabaian isu keselamatan dan kesihatan adalah kecederaan, kematian dan tiada jaminan di masa hadapan. Profesor Madya Dr. Haji Mohd Khan Jamal Khan (2005), turut berpendapat bahawa dalam situasi seperti di atas pihak majikan juga tidak terkecuali daripada merasai kesan ini dari sudut ekonomi, imej, produktiviti dan kesetiaan pekerja.

Pada asasnya bidang keselamatan dan kesihatan amat penting kerana persekitaran pekerjaan hari ini telah mengalami perubahan yang besar seperti perubahan teknologi yang mendadak yang mewujudkan pelbagai jenis hazard; pelbagai tekanan dari sudut mental mahupun jasmani akibat permintaan pekerjaan yang pelbagai; peningkatan psikososial hazard seperti keganasan di tempat kerja atau gangguan seksual; peningkatan pampasan akibat gangguan kesihatan yang dialami oleh pekerja; peningkatan kemalangan di tempat kerja dan sebagainya (Nor Azimah Chew , 2005).

Oleh itu, kesedaran akan tanggungjawab keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini adalah penting dalam mengurang, menghindar dan mencegah berlakunya sesuatu kemalangan. Impian ini semestinya dapat direalisasikan melalui wujudnya peraturan-peraturan tertentu, latihan-latihan keselamatan dan apa jua proses bagi meningkatkan kesedaran berkenaan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan agar produktiviti dan kelangsungan organisasi dapat di pertingkatkan serta dimapankan.

.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Kemalangan merupakan suatu bencana yang tidak boleh diduga. Ianya akan berlaku pada bila-bila masa dan di mana tempat sekalipun. Biasanya kemalangan akan mengakibatkan kerugian yang besar atau kecacatan kepada tubuh badan pekerja itu sendiri atau peralatan yang mereka gunakan. Kemalangan boleh dihindari atau dicegah dengan cara memberi kesedaran kepada para pekerja tentang bagaimana ianya boleh dicegah dan dihindarkan. Kesedaran ini termasuklah merangkumi tentang aspek keselamatan diri, persekitaran tempat kerja mahupun alatan dan bahan yang sering diguna pakai dalam pengoperasian sesuatu kerja yang dilakukan. Jesteru itu, elemen keselamatan dilihat sangat penting dalam mencegah dan menghindari risiko berlakunya sesuatu bahaya kemalangan.

Para penyelidik Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di United Kingdom memberi alasan bahawa kelemahan gerakan kesatuan sekerja di negara berkenaan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan insiden kecederaan dalam sektor perkilangan di negara tersebut. Melalui kelemahan itu maka majikan dapat terus menekan pekerja untuk meningkatkan pengeluaran tanpa memberi perhatian kepada Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Reilly, 1995). Dalam konteks ini, kesatuan sekerja mempunyai potensi untuk memainkan peranan sosial yang penting dalam meningkatkan tahap amalan keselamatan dan dengan itu mengurangkan insiden kemalangan di tempat kerja.

Walau bagaimanapun, tiada penyebab mudah yang boleh dikaitkan kepada kecenderungan untuk berlakunya sesuatu kemalangan di tempat kerja. Banyak faktor yang boleh menyumbang kepada kemungkinan berlakunya kemalangan perindustrian. Kemalangan boleh berlaku secara tidak sengaja, contohnya apabila seseorang pekerja berjalan melalui tapak pembinaan dan angin yang bertiup telah menumbangkan dinding penghadang tapak binaan lalu terkenanya. Insiden ini boleh dianggap sebagai suatu kejadian memungkinkan (*chance occurrence*) dan di luar kawalan pekerja atau majikan.

Dessler (2000), faktor-faktor yang menyumbang kepada kemungkinan berlakunya kemalangan boleh dikategorikan kepada jenis yang berikut, iaitu :

1. Kerja atau persekitaran kerja;
2. Organisasi dan faktor berkaitan organisasi; dan
3. Sifat pekerja.

Kajian yang telah dibuat oleh Jabatan Kilang dan Jentera menunjukkan bahawa pekerja di Malaysia tidak mengamalkan peraturan keselamatan. Selain itu, sikap pekerja di Malaysia seperti tidak menggunakan peralatan keselamatan memungkinkan boleh berlakunya kemalangan. Faktor individu seperti bermain-main semasa menjalankan tugas, kurang latihan, kesihatan yang tidak baik, kurang memberi tumpuan semasa bekerja dan bersifat ego serta memandai diri menjadi punca utama kemalangan berlaku (Mokhtar, 1987)

Pekerja yang tidak menerima latihan yang mencukupi atau kurang berpengalaman di dalam sesuatu bidang yang tertentu sebelum mereka menceburi bidang yang berkenaan merupakan langkah utama yang perlu diberikan perhatian. Kemalangan yang disebabkan oleh kesilapan manusia boleh dicegah. Dalam hal ini, untuk mengurangkan kemalangan di industri yang berpunca dari kesilapan manusia, pihak pentadbir industri mestilah menerangkan kepada para pekerja bahawa kemalangan boleh berlaku jika ada punca kemalangan (DeReamer, 1980). Membentuk cara kerja yang selamat di kalangan pekerja dan mewujudkan kesedaran tentang keselamatan adalah perlu. Oleh itu, penyampaian maklumat mengenai sesuatu alat dan cara pengendaliannya perlu dibuat sebagai keselamatan kepada pekerja.

Kebanyakan kes kemalangan di perindustrian ini berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kelemahan manusia itu sendiri (Reber dan Wallin, 1993). Manusia bukanlah seperti mesin. Prestasi mereka tidak dapat diramalkan begitu juga dengan kesalahan yang dilakukan. Kesilapan mungkin dilakukan oleh arkitek yang merekabentuk tempat bekerja seperti rekaan untuk kilang mahupun bengkel. Kesilapan juga mungkin boleh dirujuk kepada perekabentuk alatan mesin-mesin, jurutera, ahli kimia, pakar elektrik, supervisor atau seseorang yang bertugas dalam bidang membaikpulih. Dalam erti kata lain, kesilapan mungkin dilakukan secara disedari atau tidak disedari oleh seseorang yang berkenaan dengan merekabentuk, membina, memasang, mengurus dan lain-lain yang bersangkutan dengan sesebuah penstrukturan tempat kerja seperti di kilang dan bengkel kerja.

Walaupun banyak usaha dilakukan dan bahan-bahan cetak berkaitan dengan kajian punca-punca kemalangan telah di tulis dan dipaparkan, namun bilangan kes kemalangan semakin bertambah. Secara ringkas, sekiranya punca sesuatu kemalangan dapat dikenalpasti maka langkah-langkah pencegahan boleh dilakukan untuk mencegahnya dari berlaku. Sebaliknya, sekiranya langkah-langkah pencegahan atau langkah kesedaran dikalangan para pekerja dan majikan tidak diamalkan, kemalangan yang sama akan tetap berulang.

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau singkatannya JKKP merupakan salah sebuah badan yang bertanggungjawab dalam perihal berkaitan dengan undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia. Badan ini turut berperanan dalam mengeluarkan statistik atau perangkaan jumlah kemalangan yang berlaku di lapangan industri dalam negara. Maka itu, Jadual 1.1 di bawah menunjukkan statistik kemalangan industri di Malaysia sepanjang tempoh lima tahun kebelakangan ini iaitu dari tahun 2002 hingga 2006 setakat yang telah dilaporkan.

**Jadual 1.1 : Statistik Kemalangan Industri di Malaysia**

<b>Pekara / Tahun</b>	<b>2002</b>	<b>2003</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>
Jumlah (kemalangan)	3032	3304	3534	3837	4731
Kemalangan (maut)	137	190	173	196	209
Kemalangan (hilang upaya kekal)	217	132	119	182	174

**Sumber: Laman Web MOHR (<http://dosh.mohr.gov.my>)**

Berdasarkan statistik kemalangan yang dikeluarkan JKKP Malaysia seperti Jadual 1.1 di atas, sepanjang tempoh lima tahun kebelakangan ini industri negara telah mencatat peningkatan jumlah kemalangan di industri pada setiap tahun dari tahun 2002 seramai 3032 orang dan pada tahun 2006 mencecah kepada angka 4731 orang setakat yang dilaporkan.

JKKP juga turut mengklasifikasikan jenis kemalangan yang mengakibatkan maut pada lima tahun tersebut sentiasa menunjukkan peningkatan kecuali pada tahun 2004 yang menyaksikan ada sedikit penurunan dari tahun sebelumnya iaitu 190 kemalangan maut pada tahun 2003 kepada 173 kemalangan maut pada tahun 2004. Selepas itu, jumlah kemalangan yang mengakibatkan maut ini terus meningkat sehingga yang dilaporkan pada tahun 2006 mencecah kepada 209 kemalangan maut. Jenis kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya kekal juga masih ditahap yang tinggi dan membimbangkan.

Oleh itu, jika dibiarkan situasi sedemikian berterusan dan berlanjutan ianya akan memberikan impak atau kesan yang buruk kepada pembangunan dan kemajuan negara. Sememangnya seperti yang digembar-gemburkan kuasa pentadbiran dalam negara semahunya ingin menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020. Oleh sedemikian, maka agak tidak sepatutnya jika sebuah negara yang maju membangun sekiranya pada masa yang sama ada dikalangan rakyatnya yang hidup menderita dan sengsara berikutan akibat kejadian kemalangan yang dialami sehingga ada yang kehilangan anggota badan serta nyawa.

Sebagai pemangkin kepada kemajuan negara ketika ini, golongan pekerja ini harus dilengkapi dan dimantapkan lagi dengan pengetahuan serta kemahiran asas yang mencukupi bagi bekalan untuk mereka di alam pekerjaan kelak. Hal ini adalah untuk memastikan agar mereka dapat terus bekerja dalam suasana selamat dan selesa. Jika diperingkat sekolah, guru merupakan tonggak dalam menyemai dan menerapkan sikap perihatin pelajar mengenai amalan keselamatan sewaktu kerja-kerja amali di bengkel. Jesteru itu, dalam alam pekerjaan ini pihak yang bertanggungjawab seperti pengurus majikan itu sendiri haruslah berperanan penting dan proaktif dalam memupuk gaya kerja yang selamat di kalangan para pekerjanya semasa bekerja di tempat kerja.

Hal ini dianggap penting kerana melalui pendedahan yang jelas dari pihak majikan berhubung dengan aspek keselamatan ini, pekerja dapat melihat akan perihatinnya dalam menitik beratkan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Maka itu, para pekerja ini akan melakukan kerja dan bertindak dengan sewajarnya dalam apa jua keadaan demi menjaga keselamatan dan kesihatan adalah terjamin semasa di tempat kerja. Untuk itu, para pengurus sesebuah majikan ini mestilah sentiasa menunjukkan teladan yang baik dari segi meletakkan aspek keselamatan ini sebagai perkara penting yang mesti diutamakan.

Atas inisiatif terhadap sifat mulia tersebut, walaupun sebuah majikan itu hanya tergolong dalam jenis perusahaan industri kecil desa mereka ini juga sepatutnya berkomitmen tinggi terhadap isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Industri desa ialah perusahaan kecil yang terletak di desa atau kampung, di usahakan oleh masyarakat desa bagi menghasilkan barangan tradisional atau moden yang mudah dan sesuai untuk dipasarkan, (Bahagian Kemajuan Masyarakat, KEMAS).

Pengetahuan dan kesedaran terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 seperti yang telah diwartakan oleh pihak kerajaan perlu ada dalam setiap pemikiran para majikan industri kecil desa ini. Permasalahan seperti skop perusahaan adalah kecil dan terpencil lantas tidak perlu menghiraukan akta tersebut adalah terpesong sama sekali. Jesteru itu, pihak majikan industri kecil desa pada hari ini perlu memandang berat tentang perihal keselamatan dan kesihatan pekerjaan terutamanya berkaitan dengan tanggungjawab pihak majikan itu sendiri.

Jesteru itu, jika sifat bertanggungjawab terhadap isu keselamatan dan kesihatan ini tidak diterapkan di peringkat awal lagi, maka tidak mustahil ia akan menimbulkan masalah yang besar serta situasi yang merbahaya baik kepada pekerja itu sendiri, majikan mahupun negara.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap penglibatan pihak majikan Industri Kecil Desa di tiga buah kampung Mukim Ulu Lepar, di Daerah Kuantan, Pahang dalam menjalankan tanggungjawabnya terhadap aspek keselamatan pekerjaan di tempat kerja.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengenalpasti tahap penglibatan pihak majikan dalam mempraktikkan tanggungjawabnya terhadap keselamatan pekerja di tempat kerja.
2. Mengenalpasti tahap penglibatan pihak majikan dalam menjalankan penyeliaan tempat kerja secara berterusan.
3. Mengenalpasti tahap penglibatan pihak majikan dalam memberikan motivasi bekerja kepada pekerjanya.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan ini terdiri daripada :

1. Apakah tahap penglibatan pihak majikan dalam mempraktikkan tanggungjawab mereka terhadap keselamatan pekerja di tempat kerja?
2. Apakah tahap penglibatan pihak majikan dalam menjalankan penyeliaan tempat kerja secara berterusan di tempat kerja?
3. Apakah tahap penglibatan pihak majikan dalam memberikan motivasi kepada pekerja untuk bekerja dengan selamat di tempat kerja?